

# Warga Bintang Melawat UniMAP



**K**ANGAR, 23 Feb – Kunjungan warga penduduk dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Bintang memberikan seribu pengertian buat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke arah merapatkan hubungan penduduk Perlis dengan universiti itu. Program yang diberi nama Sehari Bersama Pemimpin Masyarakat ini merupakan program yang kedua dianjurkan oleh pihak UniMAP

di mana pada Ogos 2009 lalu, program sebegini telah melibatkan para pemimpin DUN Guar Sanji. Program anjuran Unit Kajian Strategik itu disertai lebih 300 wakil pemimpin DUN berkenaan dan mereka dibawa melawat ke sekitar kampus UniMAP iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses, Alam Sekitar, Kilang Mengajar, Pusat Kejuruteraan dan Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh. Melalui program sebegini secara tidak langsung memberi peluang kepada penduduk di Perlis untuk melihat sendiri kecanggihan makmal dan teknologi yang terdapat di UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) hubungan baik dengan masyarakat seharusnya disemai ke arah merakyatkan UniMAP. "Hubungan sebegini harus diperluaskan agar masyarakat luar lebih memahami peranan serta fungsi sebenar UniMAP.

Saya harap program ini dapat diteruskan kepada 13 lagi DUN di negeri Perlis,"katanya.

